

PANDUAN RINGKAS UNTUK PENGIMPORT

IMPORT

Import adalah merujuk kepada membawa atau menyebabkan dibawa ke Malaysia melalui darat, laut atau udara atau dengan apa-apa cara lain.

Untuk mengimport barang ke Malaysia, anda dikehendaki membuat pengikraran kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Duti Import, Duti Eksais, Cukai Jualan akan dibayar ke atas barangan yang tertakluk kepada duti/cukai jika barangan tersebut diimport ke dalam Malaysia.

PROSEDUR IMPORT UMUM

LANGKAH 1: PENGIKRARAN KASTAM

Semua pengimportan barangan ke Malaysia hendaklah diikrar oleh:

1. Ejen Kastam yang dilantik (semakan boleh dibuat di <http://www.mytradelink.gov.my/trade-associations>); atau
2. Pengisytiharan Sendiri (Program AEO - Portal AEO http://customsgc.gov.my/index_aeo.html); atau
3. Pengguna Langsung (*Direct User*)

LANGKAH 2: KLASIFIKASI BARANG

Pengimport perlu mendapatkan pengesahan mengenai barangan yang akan diimport ke Malaysia sama ada ianya tertakluk kepada sebarang duti / cukai dengan mendapatkan kod tarif yang betul bagi barangan berkenaan (berdasarkan kepada Perintah Duti Kastam, Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai) dan Perintah Duti Eksais yang berkuatkuasa). Kod tariff boleh disemak dengan merujuk kepada:

1. *HS Explorer* <http://mysstext.customs.gov.my/tariff/>; atau
2. Dapatkan khidmat nasihat daripada Bahagian Perkhidmatan Teknik, Cawangan Klasifikasi, Tarif dan Penggubalan, JKDM <http://www.mobile.customs.gov.my/edirektori/portal-home>; atau

3. Semak dengan Perjanjian Perdagangan Bebas yang berkaitan (FTA)
<https://fta.miti.gov.my/>

LANGKAH 3: SEMAK SAMA ADA BARANG BERKENAAN ADALAH BARANG KAWALAN ATAU BARANG LARANGAN IMPORT

1. Semak sama ada barang yang hendak diimport adalah barang terkawal atau tertakluk kepada larangan import atau sekatan oleh pihak berkuasa.
2. Semak sama ada barangan berkenaan memerlukan *Permit* Import / Kelulusan dari Agensi Kerajaan Lain (OGA) atau Agensi Pengeluar *Permit* (PIA). *Permit* / kelulusan perlu diperolehi sebelum sebarang pengimportan dilakukan.
3. Semakan berkenaan dengan larangan import boleh dibuat melalui pautan berikut
<http://mysstext.customs.gov.my/tariff/>

LANGKAH 4: PENGIKRARAN & PENYEDIAAN DOKUMEN UNTUK PELEPASAN KASTAM

Setiap pengimport hendaklah membuat pengikraran penuh dan benar mengenai barang-barang yang diimport, secara sendiri atau oleh ejennya semasa kedatangan atau pendaratan barang-barang tersebut di Malaysia.

1. Pengikraran pengimportan adalah menggunakan Borang Kastam No.1 (K1) secara elektronik.
Pautan : <http://www.dagangnet.com/trade-facilitation/edeclare/>
2. Mengemukakan *permit* import semasa membuat pengikraran kastam sama ada secara elektronik atau *hard copy*.
Pautan : <http://www.dagangnet.com/trade-facilitation/epermit/>

Pengimport atau ejennya hendaklah mengemukakan dokumen seperti yang diminta oleh pegawai kastam yang hak untuk tujuan menaksir apa-apa pengikraran yang dibuat oleh pengimport itu. Senarai dokumen sokongan adalah seperti berikut:

1. *Bill of Lading / Airway Bill*
2. Invois
3. *Packing List*
4. Sijil Tempat Asal (*Country of Origin Certificate*) (jika berkenaan)
5. Dokumen-Dokumen lain yang berkaitan

LANGKAH 5: PEMERIKSAAN BARANG

Pihak berkuasa (JKDM) berhak untuk memeriksa *consignments* bagi memastikan pengimportan tersebut mematuhi undang-undang dan peraturan. Mana-mana pegawai kastam yang hak boleh menjalankan pemeriksaan fizikal pada mana-mana barang apabila diperlukan.

LANGKAH 6: PEMBAYARAN DUTI / CUKAI

Duti / cukai yang kena dibayar ke atas barangan yang diimport hendaklah dibayar oleh pengimport pada saat kedatangan barang tersebut. Pembayaran duti / cukai boleh dibuat di kaunter atau melalui pembayaran atas talian.

Pautan : <http://www.dagangnet.com/trade-facilitation/epayment/>

LANGKAH 7: KELULUSAN KASTAM

Barang yang hendak diimport boleh diluluskan untuk dilepaskan dengan syarat duti / cukai telah dibayar dan *permit* (jika berkenaan) telah diperolehi.

LANGKAH 8: PELEPASAN KASTAM

Pelepasan kastam boleh dibenarkan setelah semua tindakan yang telah ditetapkan oleh pihak JKDM telah dipatuhi dan dipenuhi.

LANGKAH 9: MENYIMPAN DOKUMEN

Rekod-rekod pengimportan hendaklah disimpan di dalam Malaysia untuk tempoh tujuh (7) tahun, kecuali sebagaimana yang diluluskan oleh Ketua Pengarah tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan olehnya.

Catatan:

Setiap peninggalan atau pengabaian untuk mematuhi, dan setiap perbuatan yang dilakukan atau cuba dilakukan berlawanan dengan, peruntukan-peruntukan Akta Kastam 1967, atau apa-apa pelanggaran syarat dan sekatan yang tertakluk kepadanya, atau berdasarkan, apa-apa lesen atau permit dikeluarkan atau sebarang pengecualian diberikan di bawah akta ini, adalah suatu kesalahan terhadap akta ini.